



KOPI PAHIT

Terbit daripada cadangan temannya Bajang menulis:

Sebelum upacara sembahyang Jumaat di Masjid Negara mulai kira-kira pukul 11 pagi bergilir-gilir tiap-tiap minggu diadakan: minggu pertama orang membaca nasyid; minggu kedua orang membaca qasidah; minggu ketiga membaca berzanji dan minggu keempat qari-qari atau qariah-qariah membaca Qur'an. Sekian syor itu yang disertai oleh Bajang! Adoi mak! Masjid tempat ibadah dan tafakur mahu dijadikan "bangsawan?" Bajang mahu tambah khurafat dan bid'ah? Mā shā-Allāh!

* * *

Tengku Abdul Rahman bilang – Sabah dan Sarawak akan kekal di dalam Malaysia hingga Hari Kiamat! Tengku seorang Islam – cakap tidak tabik kecuali lagi, tidak pakai 'in shā'a Allāh' bolehkah perkataan yang serupa ini tidak dipandang suatu perkara yang takbur? Baik-baik Tengku! Ini ingatan yang ikhlas.

* * *

Tatkala balik dari Mesir datang semula ke Mekah kerana hendak balik ke Malaya pernah dibawa sebuah bangku kayu buatan Mesir untuk kanak-kanak. Kakinya berupa kaki unta dan di hujungnya terletak bentuk kepala unta. Barang serupa ini diharamkan dibawa masuk ke dalam kerajaan 'Arabiyyah Sa'ūdiyyah. Begitulah tegasnya kerajaan 'Arabiyyah Sa'ūdiyyah yang berperlembagaan hanya dengan "Kitab Allah dan sunnah" – syabas! Tetapi dukacita wakilnya di Singapura yang mengagung-agungkan perlembangan kerajaan 'Arabiyyah Sa'ūdiyyah itu tatkala mengadakan sambutan hari jadi *Jalālah al-Malik* Faisal baharu-baharu ini angkat *toast* – ertinya angkat gelas untuk minum selamat! Tidakkah ia menambah bid'ah yang dihapuskan keras oleh orang-orang 'Arabiyyah Sa'ūdiyyah?

* * *

Tengku dan Tun Razak mempertahankan ucapan Tuan Ramani yang dituduh Pakistan menyebelahi India. Malaysia adalah berkecuali dan sentiasa menyokong Dasar Damai Bangsa-bangsa Bersatu, kata mereka. Pakistan membantah keras atas

langkahannya itu sehingga menghantar sebuah "nota" kepada Malaysia sebagai bantahan! Dan Menteri Pelajaran India Tuan Chukala, berbesar hati kerana ucapan Tuan Ramani itu katanya sepatutnya diucapkan dari orang India sendiri! Allah mak tuan! Bagaimana kalau India sendiri akui sebagai suara orang India sendiri, tidakkah ini boleh jadi bukti berat sebelah?

* * *

Encik Khir Johari mengingatkan pelajar-pelajar puteri akan bahaya kumbang – tentunya kumbang jantan, yang berterbangan dari Selat Tebrau ke utara Semenanjung dan sentiasa mengidam-idamkan kuntum bunga – tentunya yang belum mekar. Bagus nasihat A. Khir itu tetapi bagaimana kumbang dan bunga tidak berjinak-jinak kalau sekolah campuran digalak dan diadakan? Api dengan minyak tak boleh jumpa – selalu membakar – dan dari kecil lagi sudah dicampurkan – di sekolah-sekolah tentunya.

* * *

Tengku tatkala membidas Indonesia mengharamkan parti Murba mengatakan bahawa Parti Murba ialah parti Islam; mā shā-Allāh Tengku! Belum bercakap tanya dahulu A. Senu kerana beliau sudah jadi duta di Indonesia! Tidakkah Parti Murba itu adik-beradik dengan Parti Komunis? Murba ialah pengikut Trotsky – bukan Stalin dan bukan Mao! Kepalanya dahulu Tan Malaka yang sentiasa diburu oleh British! Kan malu kita, Ketua Negara tidak tahu keadaan orang dan terus mau bicara!

* * *

Perkara-perkara yang mengenai agama Islam telah ditimbulkan oleh amaran-amaran pihak kerajaan Singapura dengan mengatakan bahawa sentimen-sentimen agama kalau digunakan akan boleh dihukum. Jadi kalau ada orang menjelaskan hukum agama yang bertentangan dengan maksud kerajaan bagaimana? Atau ada orang berani menghina agama seperti memijak-mijak Qur'an, bagaimana? Juga kalau orang menerangkan hukum mengharamkan sekatan beranak yang diadakan kempennya, bagaimana? Boleh dihukum?! Harap orang yang mengaku "Bapa Islam" yang menjadi ketua pertubuhan dakwah Islam yang juga jadi rakyat asing dan wakil kerajaan asing – bersuara, jangan diam! Ini kalau betul-betul ia memperjuangkan agama Islam, apalagi ia mewakili kerajaan yang dasarnya hanya kitab Allah dan sunnah!